

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SKW102 - Pengantar Antropologi dan Sosiologi

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan 1 (wajib) di Bahagian A, Soalan 2 (wajib) di Bahagian B dan SATU (1) soalan di Bahagian C. Jumlah soalan yang mesti dijawab ialah TIGA.

Bahagian A

Soalan 1 WAJIB dijawab.

1. (a) Nyatakan prinsip-prinsip tiga teori utama Sosiologi.

- (b) Teori Sosiologi manakah yang paling sesuai mengkaji isu “Gangguan Seksual (Sexual Harassment)” di tempat kerja di Malaysia. Bincangkan.

- (c) Kaedah penyelidikan Sosiologi manakah yang paling sesuai mengkaji isu “Gangguan Seksual (Sexual Harassment)” di tempat kerja di Malaysia. Terangkan.

- (d) Apakah isu-isu etika yang mungkin akan wujud dalam kajian seperti di atas?

(100 markah)

...2/-

Bahagian B

Soalan 2 WAJIB dijawab.

2. (a) Berikan penjelasan ringkas untuk 4 daripada 6 istilah dan konsep-konsep berikut:
- | | |
|-------------------------|-------------|
| (i) Sosialisasi | (15 markah) |
| (ii) Nepotisme | (15 markah) |
| (iii) Mobiliti Sosial | (15 markah) |
| (iv) Institusi Sosial | (15 markah) |
| (v) Stratifikasi Sosial | (15 markah) |
| (vi) Etnosentrisme | (15 markah) |
- (b) Berikan penjelasan ringkas untuk 2 daripada 4 istilah dan konsep-konsep berikut:
- | | |
|------------------------------------|-------------|
| (i) Anomi | (20 markah) |
| (ii) Hipotesis | (20 markah) |
| (iii) Bunuh Diri Altruistik | (20 markah) |
| (iv) Pembolehubah Independen/Bebas | (20 markah) |

Bahagian C

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

3. (a) Sekiranya anda seorang teoris Struktur-Fungsionalis, apakah anda akan cadangkan untuk mengatasi masalah “pembuangan bayi” di Malaysia? ↗ ↘
(b) Manakala jika anda seorang teoris Konflik, apakah pula anda akan cadangkan untuk mengatasi masalah “pembuangan bayi” di Malaysia? ↗ ↘
(100 markah)

4. (a) Apakah itu ras dan etnik? Terangkan.
- (b) Beri definisi prejudis dan diskriminasi.
- (c) Apakah itu asimilasi, pluralisme, segregasi, genocide? Terangkan.
- (d) Apakah itu “The Vicious Cycle”? Terangkan.
- (e) Bincang tiga teori prejudis dan diskriminasi.

(100 markah)

5. (a) Beri definisi tingkahlaku devian dan jenayah.
- (b) Apakah perbezaan sosiologi dan kriminologi? Jelaskan.
- (c) Terangkan prinsip-prinsip utama dalam teori:
 - (i) Differential-Association
 - (ii) Labeling
 - (iii) Kawalan Hirschi
- (d) Teori-teori di atas berdasarkan kepada proses sosiolisasi. Bincangkan.

(100 markah)

- oo o0o oo -